

**Kerajaan Sedia Timbang Pembelajaran Bahasa Punjabi Di Sekolah - Muhyiddin Bernama**  
**13 April , 2012**

KUALA LUMPUR, 13 April (Bernama) -- Kerajaan sedia mempertimbang untuk melaksanakan pembelajaran bahasa Punjabi di sekolah sekiranya terdapat permintaan dan bilangan pelajar yang mencukupi untuk mempelajarinya, kata Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Muhyiddin yang juga Menteri Pelajaran berkata sekiranya dilaksanakan, ia akan membolehkan generasi muda Sikh menguasai bahasa ibunda sementara kaum lain dapat mempelajari bahasa Punjabi bersesuaian dengan semangat 1Malaysia.

"Adalah penting bagi kita semua belajar mengenai orang lain di negara ini kerana ia akan menyatukan kita semua," katanya ketika berucap menghadiri rumah terbuka Vasakhi di Gudwara Sahib Sentul di sini, Jumaat.

Beliau beramah mesra dengan lebih 200 masyarakat Sikh yang menghadiri rumah terbuka itu. Turut hadir Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar Datuk Raja Nong Chik Raja Zainal Abidin dan Presiden Gudwara Sahib Sentul, Gurdiall Singh.

Pada majlis itu, Muhyiddin juga mengumumkan peruntukan RM500,000 bagi kegunaan Gudwara Sahib Sentul yang berusia 100 tahun, antaranya untuk membaikpulih bangunan sedia ada, membina bangunan tambahan dan aktiviti komuniti Sikh di kawasan tersebut.

Muhyiddin berkata masyarakat Sikh di negara ini walaupun kecil bilangannya tetapi memainkan peranan penting dalam membangunkan negara terutamanya melibatkan pembangunan sosial dan masyarakat.

"Ada sekitar 250,000 masyarakat Sikh di negara ini. Bilangan kecil tidak bermakna tidak memainkan peranan penting dalam pembangunan Malaysia.

"Kita tidak kira bilangannya, apa yang penting masyarakat Sikh telah menyumbang kepada pembangunan negara. Peranan ini dijayakan dengan amat baik dan kita mahu ia diteruskan untuk tahun-tahun akan datang," katanya.

Beliau berkata adalah penting bagi masyarakat berbilang kaum di negara ini bersatu padu dan hidup dalam suasana aman dan harmoni bagi memastikan aspirasi 1Malaysia tercapai seterusnya membawa Malaysia menjadi negara maju menjelang 2020.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=658928>